

0438

B 8875 DEB
MAHATHIR - SEKOLAH

JITRA, 2 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MASA DEPAN NEGARA BERGANTUNG KEPADA PERANAN GURU MENBENTUK PERIBADI ANAK-ANAK MURID DENGAN NILAI-NILAI YANG BAIK.

KATANYA, SEKIRANYA GURU-GURU MENDIDIK ANAK-ANAK MURID DENGAN MENCAMPUR-ADUKKAN DENGAN FAHAMAN POLITIK ADA KEMUNGKINAN MURID-MURID ITU, APABILA BESAR KELAK, MELAHIRKAN SUASANA YANG KURANG HARMONIS DALAM NEGARA.

SEBAGAI CONTOH, KATA PERDANA MENTERI PERNAH BERLAKU KETIKA BELIAU DAN MENTERI-MENTERI MELAWAT KE SEBERANG LAUT UNTUK MENEMUI PARA PELAJAR MALAYSIA DI SANA, PELAJAR BERKENAAN MEMBERI SAMBUTAN YANG AMAT MENGECEWAKAN DAN ADA KETIKANYA PELAJAR-PELAJAR ITU ENGGAN MENEMUI MEREKA.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH BATU 20, MEGAT DEWA, DEKAT SINI, BELIAU BERKATA PARA PELAJAR BERKENAAN TELAH TERPENGARUH DENGAN AJARAN GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU YANG MENUDUH PARA MENTERI NEGARA INI ADALAH JAHAT

+AMATLAH MENDUKACITAKAN KERANA PELAJAR-PELAJAR DI SEBERANG LAUT MUDAH TERPENGARUH DAN SANGGUP MENGGIGIT TANGAN ORANG YANG MEMBERIKAN MEREKA BANTUAN UNTUK MENIMBA ILMU DARI PERINGKAT RENDAH SEHINGGA KE PHD,+ KATANYA.

-- LAGI.

1437MST 02 08 86

0439

B 8876 DEB
MAHATHIR - SEKOLAH 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PARA GURU MEMAINKAN PERANAN MEREKA DENGAN SEIKHLAS-IKHLASNYA BERTUJUAN MEMBERI PELAJARAN YANG SEBENARNYA DAN TIDAK DICAMPUR-ADUK DENGAN FAHAMAN POLITIK YANG BOLEH MENGGELAPKAN MASA DEPAN PARA PELAJAR ITU.

KATANYA IBU-BAPA HENDAKLAH SENTIASA MEMERHATIKAN KEADAAN DI SEKOLAH ANAK-ANAK MEREKA AGAR MATALAMAT MEREKA MENGHANTAR ANAK-ANAK UNTUK PEMBENTUKAN PERIBADI DAN MENERAP NILAI-NILAI YANG MULIA BENAR-BENAR DICAPAI.

KATANYA SEBUAH NEGARA YANG PENDUDUKNYA BERNILAI MULIA, BERMORAL DAN BERPENGETAHUAN AKAN MELAHIRKAN SEBUAH NEGARA YANG TEGAP, KUKUH DAN KAYA YANG AKAN DIHORMATI OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA.

KEJAYAAN HASRAT INI AKAN MEMBUKTIKAN BAHAWA SISTEM PENDIDIKAN NEGARA ADALAH BERJAYA DAN TERBAIK SEKALI TETAPI JIKA MURID MEMPUNYAI ILMU TETAPI BERPERIBADI YANG BURUK NYATALAH SISTEM ITU ADALAH GAGAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DAN MENTERI BESAR DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF KEMUDIAN MELAWAT KAWASAN PETI-PETI UNDI BN DI SEKITAR KUBANG PASU UNTUK MENDENGAR LAPORAN-LAPORAN TERBARU MENGENAI KEDUDUKAN PARTI ITU DI SITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DITENTANG OLEH CALON PAS DR AZIZAN ISMAIL BAGI KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU AKAN MENGUNDI DI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN TITI GAJAH PADA PUKUL 9.30 PAGI ESOK. -- BERNAMA
1441MST 02 08 86